

03 MAR 1999

MALAYSIA-JEPUN

M'SIA-JAPAN TUKAR NOTA BAGI PINJAMAN 107.695 BLN YEN (RM3.377 BLN)

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Jepun hari ini bertukar nota bagi pinjaman 107.695 bilion yen (RM3.377 bilion) bagi membiayai projek-projek utama yang akan membantu dalam pemulihan ekonomi Malaysia.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan Malaysia di Perbendaharaan, di sini, sementara Jepun diwakili oleh dutanya ke Malaysia Issei Nomura.

Menurut satu kenyataan dari Kementerian Kewangan, pinjaman itu akan digunakan untuk membiayai program pendidikan dasar pandang ke timur Malaysia (14.026 bilion yen), pembangunan Universiti Malaysia Sarawak (18.549 bilion yen), pembinaan empangan Beris di Kedah (9.737 bilion yen), pemulihan stesen janakuasa Port Dickson (49.087 billion yen) dan pembiayaan kepada industri kecil dan sederhana (16.296 bilion yen).

Pinjaman itu adalah untuk memperkukuhkan asas-asas industri, memperbaiki kualiti sumber manusia dan alam sekitar yang menyumbang kepada pembangunan mapan negara ini untuk jangka panjang, demikian menurut kenyataan itu.

Pemberian terbaru itu juga merupakan sebahagian dari pinjaman 594.1 bilion yen yang diberikan setakat ini kepada Malaysia di bawah Tabung Kerjasama Ekonomi Luar Jepun (OECF).

Pertama kali Malaysia menerima pinjaman di bawah OECF adalah pada 1969.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui rakan sejawatannya dari Jepun Keizo Obuchi di Hanoi tahun lepas di mana Obuchi menjanjikan sebanyak 117 bilion yen kepada Malaysia bagi tujuh projek.

Tukaran nota hari ini adalah bagi lima projek manakala pembiayaan bagi dua lagi projek iaitu tabung pinjaman pendidikan tinggi (8.212 bilion yen) dan projek perpindahan air mentah Pahang-Selangor (1.093 billion yen) akan diputuskan dalam tempoh terdekat.

-- BERNAMA

RIZ JR MA